



KENYATAAN MEDIA

MANUSIA PUNCA UTAMA KEPUPUSAN HIDUPAN LIAR, BUKAN MINYAK SAWIT

-
1. Sempena Hari Orang Utan Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 19 Ogos, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sekali lagi ingin menepis dakwaan bahawa minyak sawit merupakan ancaman terbesar kepada orang utan.
 2. Kempen mengelirukan yang menyebarkan kenyataan provokatif seperti "hutan bersaiz 300 padang bola sepak ditebang setiap jam untuk pengeluaran minyak sawit", "25 orang utan hilang setiap hari" dan bahawa "orang utan akan pupus dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang" memberi konotasi negatif kepada sektor sawit negara.
 3. Kempen ini berlarutan sehingga ada pihak melabelkan minyak emas ini sebagai pembunuh orang utan, yang jelas dan nyata tidak benar. Walaupun ia benar bahawa orang utan di Borneo kini adalah spesies terancam, perlu diingati bahawa banyak lagi spesies haiwan lain juga kini terancam akibat pertumbuhan mendadak populasi manusia.
 4. Bukti terkini menunjukkan aktiviti memburu orang utan adalah antara penyumbang terbesar kepada penurunan populasi orang utan Borneo sejak 200 tahun lalu. Di Kalimantan, orang utan Borneo sering dibunuh untuk dagingnya atau akibat konflik

manusia-orang utan. Data sejarah juga menunjukkan bahawa penurunan populasi orang utan telah bermula sejak abad ke-19, jauh sebelum industri kelapa sawit berkembang pada 1970-an.

5. Menurut Statista, perubahan dalam penggunaan tanah dan laut di Asia Pasifik hanya menyumbang 43% daripada faktor-faktor yang mengancam populasi hidupan liar. Lebih daripada 50% disebabkan oleh eksplotasi berlebihan spesies, ancaman spesies dan penyakit invasif, pemburuan, pencemaran dan perubahan iklim. Penyelidikan Statista juga menunjukkan bahawa semua hidupan liar - bukan sahaja orang utan - terancam di seluruh dunia. Ia tidak terhad kepada spesies monyet dan haiwan lain yang mendiami Borneo, tetapi masalah ini juga tersebar di seluruh Amerika Utara, Eropah, Asia Tengah, Amerika Latin, Caribbean dan Afrika.
6. Menyatakan kelapa sawit adalah satu-satunya sebab yang mengancam hidupan liar seperti orang utan adalah tidak benar kerana ia menafikan fakta yang menyebabkan populasi semua spesies haiwan terancam berkurang. Untuk memberi satu contoh baik dimana manusia dan alam sekitar boleh wujud secara harmoni, Malaysia telah memperuntukkan 43 km persegi tanah rizab di pinggir Hutan Simpan Kabili Sepilok di Sabah untuk dijadikan tapak pemulihian untuk orang utan. Hari ini lebih kurang 60 hingga 80 orang utan hidup secara bebas di rizab ini, manakala kira-kira 25 orang utan yang kehilangan ibu bapa mereka, juga ditempatkan di sini.
7. Dengan pertumbuhan populasi manusia secara eksponen, dunia tanpa minyak sawit pasti boleh membawa kepada krisis makanan global memandangkan minyak emas ini merangkumi lebih 60% daripada pasaran global minyak masak. Dalam usaha mencari jalan tengah antara penanaman kelapa sawit dan meminimumkan kemasuhan alam sekitar, Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memulihara dan melindungi hidupan liar dan biodiversitinya. Malaysia juga komited untuk mengurangkan emisi gas rumah hijau di bawah Persidangan Negara Ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja

Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-21).

8. Di peringkat kementerian, KPPK telah melancarkan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia sebagai platform mampan yang dibiayai dengan sumbangan kewangan sukarela daripada pemain-pemain industri minyak sawit. Sehubungan ini, pemain-pemain industri juga bergabung tenaga dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk menyokong usaha menyelamat dan memulihara hidupan liar.
9. Ini termasuk penubuhan Unit Penyelamat Hidupan Liar Sabah yang ditubuhkan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah dengan kerjasama MPOGCF, dengan tugas utama menyelamat dan memindahkan hidupan liar yang tertekan termasuk orang utan. Di samping itu, MPOGCF telah memulakan program Penanaman Pokok Hutan 1 Juta pada 2019, Projek Pemulihan Habitat Orang Utan selama 10 tahun dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Sabah di Lower Kawag, Hutan Simpan Ulu Segama di Lahad Datu, Sabah sebagai sebahagian daripada inisiatif industri, dengan anggaran pelaburan sebanyak RM28 juta.
10. MPOGCF juga telah membiayai dua inisiatif utama pemuliharaan orang utan di negeri-negeri Borneo: Tinjauan Populasi Orang Utan yang tinggal di landskap pertanian Sabah oleh *Borneo Conservation Trust* bersama HUTAN yang telah siap pada 2018, dengan kawasan tinjauan yang termasuk menilai status pemuliharaan orang utan sebagai serta trend dalam pengedaran orang utan, kepadatan dan ancaman pemuliharaan, antara lain; dan Program Pemuliharaan Orang utan di Sarawak, kerjasama dengan Perbadanan Perhutanan Sarawak sejak 2014 yang telah siap pada 2017 dengan penerbitan laporan saintifik penuh bersama usaha pemuliharaan orang utan di kawasan perlindungan Sarawak; taman negara Ulu Sebuyau, Sedilu, Gunung Lesung dan Maludam.

11. Menurut Donna Simon, seorang penyelidik dan pengurus pemuliharaan orang utan di *World Wide Fund Nature* (WWF), dalam artikel penyelidikannya, "Perubahan kepada populasi orang utan Sabah sejak kebelakangan ini: 2002–2017", populasi orang utan di Sabah telah stabil. selama 15 tahun (2002 – 2017).
12. Selain daripada perkara di atas, MPOGCF juga bekerjasama dengan Zoo Negara dalam membiayai kerja-kerja menaik taraf Pusat Apenya, dengan jumlah anggaran pelaburan RM 1.1 juta.
13. Selaras dengan usaha menyangkal tanggapan salah mengenai orang utan, MPIC juga berusaha untuk memperbetul maklumat yang salah dan palsu mengenai minyak emas Malaysia melalui kempen "Gerakan Global untuk Memperjuangkan Kebaikan Minyak Sawit".

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
19 OGOS 2022**